



**KENANGAN:** Rosalam (depan, empat kiri) bergambar bersama rombongan Nagasaki Universiti sempena majlis itu.

# UMS jalin kolaboratif bersama Universiti Nagasaki, Jepun

UB 13.09.2023 P.04

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjalinkan kolaborasi bersama Universiti Nagasaki, Jepun bagi pengajuran Nagasaki University 1st Joint Symposium on Planetary Health di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), baru-baru ini.

Program anjuran Pusat Penyelidikan Perubatan dan Kesihatan Borneo (BM-HRC), FPSK itu bertujuan untuk memberi tumpuan kepada nilai perjalanan pendidikan dan penyelidikan, memupuk pertukaran budaya serta menangani cabaran peringkat global.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS, Prof. Ir. Dr. Rosalam Hj. Sarbatly, berkata penyelidikan kolaboratif boleh menjadi pemacu yang kuat dalam kerjasama antara universiti.

“Kolaborasi ini akan menggalakkan penyelidikan antara disiplin yang memanfaatkan kekuatan kedua-dua institusi.

“Ini kerana projek penyelidikan bersama berpotensi membawa kepada penemuan baru, peningkatan peluang pembiayaan dan

rangkaian akademik diperluas,” katanya.

Menurutnya, dengan objektif yang jelas, kedua-dua institusi berkongsi matlamat yang sama dalam memastikan kerjasama yang membuahkan hasil.

“Hal ini dilihat melalui kepimpinan dan penyelarasan yang jelas dari Pengarah BMHRC, Prof. Dr. Kamruddin Ahmed dan Prof. Dr. Kazuhiko Moji dari Universiti Nagasaki.

“Mereka memastikan semua pihak sejajar dan bekerjasama secara kolaboratif ke arah mencapai hasil yang sama,” katanya.

Melalui simposium itu, terdapat tujuh topik yang dibincangkan, antaranya kesihatan planet, perubatan tropika, zoologi, ekologi manusia dan sebagainya.

Turut hadir Presiden Universiti Nagasaki, Prof. Dr. Shigeru Kohnom; wakil-wakil dari Universiti Nagasaki, iaitu Prof. Dr. Kiyoshi Kita, Prof. Dr. Fumiko Kasuga, Prof. Dr. Chino Watanabe, Dr. Shigeharu Sato, Dr. Teruaki Yoshida; dan wakil dari UMS iaitu Dr. Noor Haliza Hassan dan Dr. Zulkhairul Naim Sidek Ahmad.